

[DEBUNKING ISLAMOPHOBIA: THE ROLES OF DANIEL PIPES IN THE REPRESENTATION OF THE MUSLIMS]

MENDEDAHKAN KEDANGKALAN ISLAMOFobia: PERANAN DANIEL PIPES DALAM REPRESENTASI IMEJ MUSLIM

Hafiz Zakariya

hafizz@iium.edu.my (Corresponding Author)

Department of History & Civilization

Kulliyah of Islamic Revealed Knowledge & Human Sciences

International Islamic University Malaysia 50728 Kuala Lumpur, Malaysia

Abstract

Islamophobia, in the sense of exaggerated fear of, and hatredness towards Islam and Muslim is not a new phenomenon. It had existed within 100 years of the advent of Islamic civilisation in the Arabian Peninsula. Islamophobia is derived from the French word, *Islamophobie*, which was first used by Sliman ben Ibrahim in 1918. Edward Said first used it in English in 1985. Islamophobia as we understand today, is a modern phenomenon, which occurred in the West since the Iranian Revolution in 1979. It has intensified after the event of 9/11. Anti-Muslim activities increased tremendously in the United States after the event of 9/11. Concomittantly, it heightened American public's interest and curiosity to learn more about Islam. This article first, discusses the meaning and rise of Islamophobia. Then, it focuses on the biography and roles of Daniel Pipes in anti-Muslim activities especially in the United States. This study primarily uses the method of document analysis to understand the attitudes and activities of Daniel Pipes in misrepresenting the Muslims.

Keywords: *Daniel Pipes, Islamophobia, Islam and the West, Representation of Muslims*

Abstrak

Islamofobia dalam erti kata ketakutan dan kebencian yang keterlaluan terhadap Islam dan Muslim bukanlah satu perkara baharu. Fenomena ini telah wujud dalam tempoh 100 tahun sejak kemunculan tamadun Islam di Semenanjung Tanah Arab lagi. Islamofobia berasal daripada perkataan Perancis *Islamophobie*, yang pertama kali diguna pakai pada tahun 1918 oleh Sliman ben Ibrahim. Dalam konteks Bahasa Inggeris pula, istilah ini telah diperkenalkan oleh Edward Said pada tahun 1985. Islamofobia seperti yang kita fahami pada hari ini ialah sebuah fenomena moden yang berlaku di Barat sejak munculnya Revolusi Islam di Iran pada tahun 1979. Situasi ini menjadi bertambah hebat setelah meletusnya peristiwa 11 September 2001 (9/11). Ekoran daripada peristiwa tersebut, gerakan anti-Muslim telah bertambah secara mendadak di Amerika Syarikat. Dalam masa yang sama, minat rakyat Amerika Syarikat untuk mengenali Islam secara lebih dekat turut bertambah dengan kadar yang tinggi. Pertamanya, makalah ini membincangkan pengertian dan kemunculan Islamofobia di Barat dan diikuti dengan fokus utama kajian ini iaitu menghuraikan biografi ringkas dan peranan Daniel Pipes dalam menjalankan gerakan anti-Muslim khususnya di Amerika Syarikat. Kajian ini menggunakan kaedah analisis dokumen dalam memahami sikap dan aktiviti Daniel Pipes dalam penyalahgambaran imej Muslim.

Kata Kunci: *Daniel Pipes, Islamofobia, Islam dan Barat, representasi imej Muslim*

Article Received:
20 August 2020

Article Reviewed:
11 November 2020

Article Published:
30 November 2020

PENGENALAN

Pada 19 April 1995, sebuah letupan besar memusnahkan Bangunan Persekutuan Murray di Bandar Raya Oklahoma, Amerika Syarikat (selepas ini, AS). Serangan itu turut membunuh 168 nyawa yang tidak berdosa termasuk kanak-kanak serta mencederakan ratusan mangsa lain. Selepas kejadian tersebut, Daniel Pipes (selepas ini, D. Pipes) tanpa usul periksa menuduh Muslim bertanggungjawab. Beliau membuat kenyataan dalam *USA Today*:

Masyarakat perlu faham bahawa (serangan) ini hanyalah permulaan. Golongan (Muslim) fundamentalis sedang bangkit dan mereka menyatakan dengan jelas untuk menyasarkan kita (Muwakkil, 2003).

D. Pipes mewakili sikap majoriti media massa Barat yang terburu-buru menuduh kumpulan ekstremis Muslim bertanggungjawab sedangkan penjenayah yang sebenar ialah seorang rakyat AS berkulit putih, Timothy McVeigh. Perkara ini turut disentuh oleh Edward Said (1997) dalam kata pengantar kepada karyanya, *Covering Islam: How the Media and the Experts Determine How We See the Rest of the World*. Edward Said menyatakan bahawa 15 tahun selepas buku tersebut diterbitkan, media massa Barat semakin berminat membuat liputan tentang Islam dan kebanyakan liputan tersebut penuh dengan stereotaip dan prasangka. Berikutan daripada representasi yang sedemikian, Islam sering dikaitkan dengan keganasan, kemunduran dan primitif. Lebih dari itu, istilah dan perkataan-perkataan sensasi dan tidak bertanggungjawab yang digunakan oleh media massa Barat seperti '*Islamic Terrorism*' '*Islamic Bombs*' telah memburukkan lagi persepsi masyarakat terhadap Islam.

Selepas meletusnya peristiwa 11 September 2001 (selepas ini, 9/11), masyarakat awam di AS sangat berminat untuk lebih mengenali Islam (sama ada dengan niat yang baik atau sebaliknya). Ini dibuktikan dengan permintaan yang tinggi terhadap buku-buku yang membicarakan tentang Islam. Seminar dan wacana tentang Islam di mana-mana sahaja turut mendapat sambutan hebat ibarat pisang goreng panas. Media massa juga memberi ruang yang besar terhadap liputan berita dan perkembangan yang berkaitan dengan Islam. Dalam masa yang sama, para sarjana yang mempunyai kepakaran tentang Islam sentiasa diburu media massa untuk ditemu ramah atau muncul dalam program-program di media elektronik.

Terdapat dua kelompok golongan sarjana atau bijak pandai yang membuat kenyataan tentang Islam selepas peristiwa 9/11. Kelompok pertama ialah para sarjana yang bersifat objektif dan adil terhadap Islam. Manakala kelompok kedua diwakili oleh mereka yang sejak sebelum peristiwa 9/11 lagi sudah bersikap anti-Muslim yang tegar. Kelompok kedua ini mengambil kesempatan tersebut untuk memburuk-burukkan Islam, ibarat mencurahkan minyak tanah ke dalam api. Selain membincangkan asal usul, makna dan peningkatan Islamofobia, makalah ini juga akan membincangkan kerjaya dan peranan seorang pemuka Islamofobia, D. Pipes dalam gerakan anti-Muslim di AS.

ISLAMOFOBIA: LATAR BELAKANG RINGKAS DAN DEFINISI

Islamofobia sering dikaitkan sebagai sebuah fenomena lewat kurun ke-20. Namun akar-umbi kebencian Barat terhadap Islam telahpun wujud sejak berkurun-kurun lamanya. Sejak kurun pertama kemunculan Islam lagi, telah muncul tulisan-tulisan polemik menghina Islam. St. John dari Damsyik (676-749) mengambil sikap yang sedemikian terhadap Islam. Melalui karya-karya polemik, beliau mengecam Islam sekeras-kerasnya (Daniel, 1960). Menurut Esposito (1995) orang-orang Kristian Eropah selama berkurun-kurun lamanya telah melihat Islam sebagai anasir berbahaya dan memberi ancaman bukan sahaja di medan peperangan bahkan di dalam ruangan pertentangan ideologi. Bahkan sebelum kemunculan Karl Marx dan Komunisme, Islamlah dianggap sebagai

sebuah cabaran yang ampuh bagi Barat. Ini berlaku ekoran persepsi bahawa Islam sebagai agama dan budaya yang bertentangan dengan nilai-nilai Barat. Sarjana-sarjana Barat telah menganggap Islam sebagai ancaman sejak berkurun-kurun lamanya. Konflik antara Barat dan Muslim makin sengit setelah Muslim berjaya mengalahkan Empayar Bizantium dan menguasai jajahan takluknya di Asia Barat seperti Syria, Mesir dan Palestin. Legasi saling tidak percaya berterusan ekoran beberapa siri konflik selama hampir 200 ratus tahun yang dikenali sebagai Perang Salib. Lebih dari itu, Kerajaan Uthmaniah telah berjaya menumpaskan Empayar Bizantium dan menakluki Konstantinople pada tahun 1453 dan digantikan namanya sebagai Istanbul. Seterusnya Empayar Uthmaniah turut melebarkan kekuasaannya di Eropah Tengah. Peristiwa-peristiwa tersebut meninggalkan bitit-bibit pahit dalam memori Barat terhadap Islam. Isu-isu sebegini telah dibincangkan dengan terperinci oleh Norman Daniel (1958). *Islam and the West: The Making of an image*, R.W. Southern (1962). *Western views of Islam in the Middle Ages*, dan Albert Hourani (1991). *Islam in European thought*.

Daripada segi bahasa, perkataan fobia menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat*, bererti “ketakutan yang amat sangat akan sesuatu” (2016: 413). Manakala menurut *Kamus Longman*, kata *phobia* itu jika berdiri dengan sendiri membawa makna “Ketakutan tidak bertempat yang amat sangat terhadap sesuatu benda” dan apabila dijadikan akhiran frasa (*suffix*) kepada sesuatu kata di hadapannya membawa maksud yang sama cuma ditambah dengan konteks kebencian dan dinyatakan (*Longman Dictionary of Contemporary English Online*, 2019). Justeru, dalam konteks bahasa, *Islamofobia* boleh ditakrifkan sebagai ketakutan atau kebencian yang keterlaluan dan tidak rasional terhadap setiap perkara yang dikaitkan dengan Muslim dan Islam.

Dalam konteks istilah pula, *Islamofobia* ialah sebuah konsep yang selalu dipertikaikan dan diperdebatkan. Ini kerana istilah tersebut sering digunakan secara tidak tepat kepada pelbagai fenomena daripada *Xenofobia* kepada Antiterorisme. Tambahan pula, istilah ini juga digunakan secara bertukar ganti dengan istilah neo-Orientalisme, anti-Muslimisme dan rasisme budaya (Moten, 2012). Perkataan *Islamofobia*, berasal daripada Bahasa Perancis, *Islamophobie* yang diperkenalkan pada tahun 1918 dalam penulisan biografi Muhammad SAW oleh Sliman ben Ibrahim beserta ilustrasi oleh tokoh pelukis Orientalis terkenal, Alphonse-Étienne Dinet (Taras, 2013). Walau bagaimanapun, maksud *Islamofobia* pada ketika itu berbeza kerana takrifnya lebih merujuk kepada ketakutan dan kebencian terhadap Islam oleh Muslim sendiri, berlawanan dengan penggunaan pada hari ini yang merujuk kepada kebencian bukan Muslim kepada Islam. *Islamofobia* digunakan pertama kali dalam Bahasa Inggeris oleh Edward Said pada tahun 1985, yang mengecam keras *Islamofobia*, dalam artikel bertajuk *Orientalism Reconsidered* (Taras, 2013).

Istilah *Islamofobia* mula digunakan dan didefinisikan secara formal ekoran penerbitan sebuah laporan, *Islamophobia: A Challenge For Us All* (1997). Laporan ini diterbitkan atas inisiatif Yayasan Runnymede yang ditubuhkan pada 1968 untuk menasihati kerajaan Britain berkenaan hubungan kaum (Tamdgidi, 2006). Dalam kajian tersebut, *Islamofobia* didefinisikan sebagai ketakutan atau kebencian terhadap Islam yang telah mengakibatkan ketakutan dan kebencian kepada semua Muslim (Conway, 1997). Hal ini turut memperincikan kesan-kesan yang dihadapi Muslim akibat *Islamofobia* sama ada dalam bentuk diskriminasi terhadap individu atau masyarakat Muslim mahupun pemboikotan dan peminggiran Muslim daripada aktiviti ekonomi, sosial atau kehidupan awam dalam sesebuah negara. Selanjutnya, Yayasan Runnymede turut mengenal pasti lapan penyifatan (*characterisation*) yang mengaibkan agama tersebut yang boleh dianggap *Islamofobia* seperti berikut,

1. Islam dilihat sebagai monolitik, statik dan tidak responsif kepada perubahan
2. Islam dilihat sebagai asing. Ia tidak mempunyai nilai-nilai yang setara dengan budaya lain, ia tidak dipengaruhi dan mempengaruhi budaya-budaya lain.

3. Islam dilihat lebih rendah kedudukannya dari Barat. Ia dilihat sebagai tidak bertamadun, tidak rasional, primitif dan seksis.
4. Islam dilihat sebagai ganas, agresif, mengancam, menyokong keganasan dan terlibat dalam “pertembungan antara tamadun”
5. Islam dilihat sebagai ideologi politik dan dimanipulasikan untuk kepentingan politik dan ketenteraan
6. Kritikan Barat oleh Islam ditolak mentah-mentah.
7. Permusuhan terhadap Islam digunakan untuk menjustifikasikan amalan-amalan diskriminasi terhadap Muslim dan memulaukan Muslim dari masyarakat arus perdana.
8. Permusuhan anti-Muslim dianggap semula jadi dan biasa (Conway, 1997).

Di samping itu, OIC Observatory mentakrifkan Islamofobia sebagai ketakutan atau kebencian yang sangat kuat terhadap Islam. Manifestasi daripada sikap tersebut termasuk prejudis, menstereotaipkan, permusuhan, sikap diskriminasi, menghina simbol-simbol mulia dalam Islam dan tindakan tidak mengiktiraf Islam dan Muslim oleh undang-undang sesebuah negara (Moten, 2012). Menurut Moten (2012), Islamofobia tidak merujuk kepada kajian kritikal terhadap Islam ataupun analisis yang tidak menyenangkan ke atas Islam. Sebaliknya, “ia merujuk secara khusus kepada sikap yang negatif terhadap Islam dan Muslim dan manifestasinya dalam perkataan dan perbuatan. Diakui, amat sukar membezakan antara kritikan munasabah terhadap Islam dan “permusuhan tidak berasas.” Adalah sangat penting, agar kita jelas tentang perbezaan di antara keduanya” (Moten, 2012: 157).

PENINGKATAN AKTIVITI-AKTIVITI ISLAMOFOBIA

Islamofobia semakin menjadi-jadi di AS, Britain dan Eropah ekoran berlakunya dua tragedi besar. Di New York, rakyat AS dikejutkan dengan serangan bom pada 11 September 2001 yang meruntuhkan Menara Bekembar Pusat Dagangan Dunia. Manakala serangan bom di London pada 7/7/2005 (Peristiwa 7/7) turut menggoncang Britain. Kedua-dua peristiwa ini bukan sahaja menanam rasa curiga, bahkan dalam sesetengah kes, permusuhan secara terang terhadap Muslim telah berlaku. Menurut data Biro Siasatan Persekutuan (FBI), jenayah kebencian anti-Muslim di AS naik mendadak pada 2001 iaitu tahun berlakunya peristiwa 9/11. Sebelum tahun 2001, purata jenayah anti-Muslim hanyalah 31 kes setahun. Pada tahun 2001, jenayah tersebut menjangkau ke 546 kes. Lebih menyedihkan, pada tahun-tahun berikutnya selepas peristiwa 2001, kadar jenayah kebencian anti-Muslim tidak mengalami penurunan. Mengikut data sehingga 2013, kadar purata anti-Muslim ialah 159 setahun jauh mengatasi 31 kes setahun sebelum 2001 (5 kali ganda lebih tinggi dari sebelum 9/11). Di Britain pula, selepas peristiwa 7/7, jenayah kebencian anti-Muslim mencatatkan 573% peningkatan dalam tempoh tiga minggu selepas peristiwa serangan itu berlaku.

Menurut Pusat Kajian Kebencian dan Ekstremisme, Universiti Negeri California San Bernardino (CSUSB) (2016) jenayah kebencian anti-Muslim meningkat di AS pada tahun 2015 sebanyak 78% dari tahun sebelumnya. Kajian yang dilakukan oleh Washington Post/ABC News pada 2006 mendapati pandangan negatif terhadap Islam dalam kalangan rakyat AS meningkat 7% daripada 39 kepada 46%. Data juga menunjukkan pada tahun 2015, kejadian Islamofobia bertambah pada kadar 200% di Britain (Levin, 2016). Lebih dari itu kejadian anti-Muslim turut meningkat pesat di negara-negara Eropah lain terutamanya di Perancis dan Belanda. Menurut *The 2017 EU Minorities and Discrimination Survey*, setiap seorang dari tiga responden Muslim yang ditemu bual, mengaku mengalami diskriminasi dan prejudis dalam tempoh 12 bulan lalu (*Islamophobia in Europe*, 2019). Pada tahun 2015, terdapat lebih dari 400 jenayah

kebencian terhadap Muslim di Perancis. Menurut Suruhanjaya Hak Asasi Kemanusiaan Kebangsaan Perancis, jenayah kebencian terhadap Muslim mengalami pertambahan sebanyak 223 %. Pada tahun yang sama, di Belanda berlaku 28 serangan terhadap masjid-masjid di negara tersebut (Abdelkader, 2017). Data jenayah anti-Muslim di kebanyakan negara di Eropah belum lengkap kerana ia masih kurang dilapor dan didokumentasikan disebabkan ketiadaan data berpusat yang relevan. Biarpun begitu adalah jelas bahawa jenayah kebencian terhadap Muslim mengalami peningkatan yang tinggi di Eropah. Pelbagai faktor memainkan peranan dalam peningkatan kejadian jenayah anti-Muslim di Barat termasuk dua peristiwa besar iaitu peristiwa 9/11 dan peristiwa 7/7 di Britain, yang disebutkan terdahulu. Di samping itu, satu faktor lain yang menyemarakkan lagi sentimen anti-Muslim di Barat ialah kemunculan pelbagai individu dan kumpulan yang memburuk-burukkan Muslim. Dua orang tokoh Islamofobia utama di AS ialah Bernard Lewis dan D. Pipes.

BIOGRAFI RINGKAS DANIEL PIPES

Selepas peristiwa 9/11, dua orang tokoh Islamofobia di AS yang menjadi rujukan utama Presiden Bush ialah Bernard Lewis dan D. Pipes. Mereka berdua ialah penyokong Zionisme dan negara Israel. Benard Lewis yang sudah meninggal dunia pada 19 Mei 2018 merupakan bekas profesor sejarah Asia Barat di Universiti Princeton, AS dan pernah memainkan peranan paling hadapan dalam usaha memburuk-burukkan (*demonising*) Islam. Selepas Lewis, tokoh kedua anti-Muslim yang terkenal dengan kejahatannya ialah D. Pipes. Oleh sebab peranannya yang aktif dalam gerakan anti-Muslim, Edward Said menggelari D. Pipes sebagai seorang anti-Muslim yang tegar (1997). Selepas meletusnya peristiwa 11 September 2001, D. Pipes menjadi antara penganalisis yang sangat sibuk dan diburu oleh media masa AS untuk mendapatkan pandangannya tentang Islam dan keganasan. Justeru, statusnya sebagai 'kesayangan media' (*media darling*) menyebabkan beliau sering muncul dalam kaca televisyen dan corong radio. Dalam tempoh setahun selepas kejadian 9/11, beliau telah muncul sebanyak 110 kali dalam kaca televisyen dan 450 kali dalam ruangan radio dan namanya disebutkan dalam media sebanyak 360 kali (Youmans, 112). Kemunculan beliau ibarat bintang yang sedang meningkat naik sebenarnya bukanlah suatu kebetulan yang muncul bergolek. Untuk memahami kerjaya dan sikap anti-Muslim D. Pipes, adalah relevan untuk memahami latar belakang dan biografi beliau secara sepintas lalu.

D. Pipes dilahirkan pada 9 September 1949 di Bandaraya Boston, Massachussets. Beliau ialah anak kepada seorang profesor sejarah dan pengajian Soviet (*sovietologis*) yang terkenal di Universiti Harvard, Richard Pipes. Richard Pipes berasal daripada sebuah keluarga Yahudi di Poland. Beliau telah melarikan diri ke AS pada bulan Oktober 1939 apabila negara itu ditakluki oleh rejim Nazi dan telah menetap di AS pada tahun 1940 (Pipes, 2003). D. Pipes juga merupakan anak sulung Richard yang mempunyai banyak persamaan dengan bapanya. Kedua-duanya suka bersendirian, bukan penurut dan suka melawan (Tassel, 2005). Pada zaman kanak-kanak, beliau tidak banyak bercakap dan sangat cinta akan buku. D. Pipes melanjutkan pelajaran ke Universiti Harvard, tempat bapanya bertugas. Pada mulanya, beliau memilih Matematik sebagai bidang pengkhususan. Menurut D. Pipes,

Saya telah mempelajari matematik pada dua tahun pertama tetapi saya tidak cukup bijak. Jadi, saya memilih untuk menjadi seorang sejarawan. Saya telah melawat Sahara pada 1968. Kemudian saya melawat Sinai pada 1969 dan bertekad untuk mempelajari Bahasa Arab. Selepas saya pulang ke kolej (Universiti Harvard) saya mendaftar dalam setiap kursus berkenaan Timur Tengah yang mampu diambil termasuk sebuah projek bebas antropologi tentang orang-orang di

Sahara di bawah penyeliaan Carleton Coon yang berstatus legenda. Saya menulis tesis tahun akhir tentang “*Perdebatan Islam di Zaman Pertengahan: Dunia Dicipta untuk Selama-lamanya, Suatu Kajian tentang al-Ghazali*” (Tassel, 2005)

Setelah tiada keserasian dengan Matematik, D. Pipes menukar pengkhususan kepada Sejarah Timur Tengah (Ballon, 2007). Pipes mendapat Ijazah Sarjana Muda (1971) dan PhD (1978) dari Universiti Harvard. Bidang pengkhususan beliau ialah sejarah Islam pada zaman pertengahan. Tesis kedoktoran D. Pipes membincangkan sistem ketenteraan Kesultanan Mamluk. Tesis tersebut kemudiannya diterbitkan pada 1981, bertajuk *Slave Soldiers and Islam: The Genesis of a Military System*. Biografi dalam laman sesawang rasmi Pipes, menyebutkan bahawa sepanjang pengajian, beliau menghabiskan masa selama 6 tahun belajar di luar Amerika termasuk 3 tahun di Mesir. D. Pipes juga dikatakan boleh bertutur dalam Bahasa Perancis dan mempunyai kemahiran membaca dalam Bahasa Arab dan Jerman (*Biographical Sketch of Daniel Pipes*, 2019).

Setahun selepas menamatkan pengajian doktor falsafah, Revolusi Iran telah berlaku pada tahun 1979. Ini membantu perkembangan baik pengajian Islam di AS ekoran minat orang ramai yang semakin bertambah. Fenomena ini juga turut membuka peluang kerjaya untuk D. Pipes dan para graduan dalam bidang dunia Islam. Di antara 1978-1986, D. Pipes menumpukan perhatian dalam bidang akademik dengan mengajar sejarah dunia di Universiti Chicago 1978-1982, sejarah di Universiti Harvard 1983-1984 dan pengajian strategik dan dasar di Naval War College, 1984-1986 (Tassel, 2005). D. Pipes tidak mencapai prestasi membanggakan dalam bidang akademik. Hakikatnya, tiada satu pun daripada jawatan akademik yang dipegangnya membawa kepada pelantikan tetap atau kenaikan pangkat kepada jawatan profesor penuh (Wiarda, 78). Menurut D. Pipes “Politik saya sangat mudah seperti seorang pemandu lori ... bukan politik seorang ahli akademik yang kompleks” (Tassel, 2005: 38). Pandangan-pandangan Pipes yang anti-Muslim meletakkan beliau dalam keadaan berseteru dengan pandangan arus perdana dalam bidang pengajian Pengajian Timur Tengah.

Ketika masih berkhidmat dalam dunia akademik, D. Pipes mula berjinak-jinak dengan badan pemikir yang berkhidmat dengan pentadbiran AS. Jalan ini dirintis bapanya, Richard Pipes, yang telah menyertai pentadbiran Presiden Reagan pada tahun 1982. Richard Pipes sangat berpengaruh dan mempunyai rangkaian yang meluas dan kuat dalam kalangan badan pemikir neokonservatif di Washington DC. Pada saat kemuncak kerjayanya, pada 1981-1982, Richard Pipes pernah memegang jawatan sangat berpengaruh sebagai anggota NSC (Majlis Keselamatan Negara) di samping dilantik sebagai Pengarah Hal Ehwal Eropah Timur dan Soviet di bawah pentadbiran Presiden Reagan. Melalui kedudukannya yang berpengaruh, Richard Pipes dan rakan-rakannya mencorak ragam polisi kerajaan AS pada era Perang Dingin. Ekoran perlantikan Richard Pipes dalam pentadbiran AS, D. Pipes menurut jejak bapanya dan bekerja dengan unit analisa di bawah Jabatan Negara (*Daniel Pipes: The Expert of Hate*, 2019).

D. Pipes yang nyata lebih serasi dengan tugas dalam badan pemikir kepada pentadbiran AS telah dilantik sebagai Pengarah Institut Penyelidikan Dasar Luar pada 1986-1993 sebelum menubuhkan Forum Timur Tengah pada tahun 1994 (Tassel, 2005). Justeru, Pipes mula membina kerjayanya dalam lingkungan para pemikir haluan kanan/konservatif politik AS. Pada tahun 1990, beliau dilantik sebagai editor *Orbis* - jurnal konservatif tentang dasar luar AS. Pada masa yang sama, Pipes mula berjaya mencipta bidang kepakaran sendiri dalam dunia badan pemikir ketika itu dan mula menunjukkan bakat dan kebolehannya. Oleh yang demikian, beliau telah mendapatkan ruang-ruang untuk menyalurkan pandangan-pandangannya melalui rencana pengarang, majalah, buku, syarahan, seminar, televisyen dan program bual bicara di radio (Lockman, 2005). Peluang dan ruang awam tersebut memberi kesempatan untuk D. Pipes mencipta nama sendiri sebagai pakar rujuk dalam bidang politik semasa dunia Islam.

Pada pertengahan 1990-an, D. Pipes memberi amaran bahawa golongan militan Muslim membawa ancaman besar terhadap AS dan sekutu-sekutunya, terutamanya, Israel. D. Pipes menggesa agar ancaman tersebut ditangani bukan dengan akomodasi dan mendengar keluhan-keluhan Muslim yang tidak berkesudahan tetapi melalui pendirian yang tegas, kuat dan agresif untuk menghapuskan kaum militan dan negara-negara yang melindungi mereka (Lockman, 2005). Pendirian keras yang dicadangkan D. Pipes tersebut mempunyai persamaan dengan sikap bapanya, Richard Pipes yang mengetuai Pasukan B dalam penganalisisan strategi ketenteraan dan dasar luar Soviet di bawah pentadbiran Presiden Reagan. Pasukan B menggesa agar AS mengambil sikap yang lebih agresif terhadap Soviet, berbanding sikap akomodasi yang dicadangkan oleh Pasukan A. Selepas peristiwa 9/11, pandangan D. Pipes terhadap Muslim semakin ekstrem, tidak berasas dan jauh daripada realiti sebenar masyarakat Muslim.

Biografi rasmi Pipes mengagah-gahkan pencapaiannya yang mendapat dua pelantikan daripada Presiden AS sendiri, iaitu sebagai naib pengerusi Lembaga Fulbright untuk Biasiswa ke Luar Negara dan ahli lembaga Institut Keamanan AS (USIP). Pencalonan untuk jawatan kedua dilakukan oleh Presiden Bush pada tahun 2003 telah mencetuskan kontroversi besar di AS. Pencalonan D. Pipes ditentang oleh para Senator AS serta pelbagai kumpulan – Islam, Kristian, Yahudi dan juga kumpulan antara agama (*interfaith group*). Kesemua mereka berpendapat bahawa berdasarkan sikap permusuhan, perkauman dan prasangka terhadap Muslim, “Pipes jauh lebih sesuai untuk membina tembok daripada jambatan dengan dunia Islam” (Muwakkil, 2003). Salah sebuah kumpulan yang menentang kuat pencalonan D. Pipes tersebut ialah persatuan yang berpangkalan di San Francisco, iaitu Suara Yahudi untuk Perdamaian. Sebahagian Senator Parti Demokrat diketuai oleh Senator Tom Harkin melancarkan proses menghalang pengesahan perlantikan D. Pipes sebagai ahli lembaga USIP (Gendzier, I., 2010). Justeru, Presiden Bush tidak dapat melantik D. Pipes melalui saluran biasa, yakni melalui Dewan Senat. Ahli lembaga USIP dilantik oleh Presiden dan disahkan oleh Dewan Senat. Oleh sebab bantahan terhadap pencalonan D. Pipes, Bush tetap membuat lantikan sementara pada 22 Ogos 2003 ketika Dewan Senat tidak bersidang. Lantikan ini tidak memerlukan pengesahan dari Dewan Senat dan membolehkan D. Pipes bertugas sehingga hujung penggal Senat pada Januari 2005 (Baldor, 2003).

D. PIPES: REPRESENTASI IMEJ MUSLIM DAN AKTIVITI-AKTIVITI ANTI-MUSLIM

Seperti disebutkan terdahulu, D. Pipes memainkan peranan utamanya dalam aktiviti anti-Muslim melalui badan pemikir konservatif yang bertanggungjawab memberi nasihat kepada pentadbiran AS. Di samping itu beliau turut aktif dalam penulisan terutamanya melalui media massa, blog serta memberi komentar tentang Islam melalui media elektronik. D. Pipes tidaklah memainkan peranan secara langsung dalam politik AS kerana beliau bukanlah ahli Dewan Senat atau Dewan Kongres. Sebaliknya, beliau memainkan peranan di belakang tabir, memberi nasihat kepada Kerajaan AS tentang polisi luar berhubung Asia Barat dan Israel serta polisi domestik terhadap Muslim. Untuk mengetahui lebih lanjut tentang peranan yang dimainkan oleh D. Pipes dalam gerakan anti-Muslim, elok kita meninjau sebahagian daripada karya dan aktiviti utama beliau. Walaupun mempunyai kelayakan akademik dalam sejarah Islam, karya-karya beliau penuh prasangka terhadap Muslim. Sepanjang garis masa kerjayanya, D. Pipes secara konsisten menunjukkan sikap kebenciannya terhadap Muslim. Dalam prakata *In the Path of God: Islam and Political Power* (1983), D. Pipes telah mengkritik keras karya ulung Edward Said, *Orientalism* (1978) dan mempertahankan pendekatan Orientalisme klasik sebagai satu-satunya pendekatan yang sah dalam mengkaji hubungan kait Islam dan politik. D. Pipes mendakwa penulis-penulis Muslim menyumbang terlalu sedikit kepada kajian-kajian tentang Islam. Topik yang difokuskan dalam buku tersebut ialah fenomena

kebangkitan yang berlaku pada tahun 1970-an dan 1980-an di dunia Islam secara amnya dan Asia Barat serta Afrika Utara secara khusus. D. Pipes menggunakan istilah 'fundamentalisme Islam' bagi merujuk kepada kebangkitan tersebut. Menurut beliau, kebangkitan Islam pada 1970-an dan 1980-an berlaku disebabkan lambungan harga petroleum dunia yang menguntungkan negara-negara Muslim. Bagi D. Pipes, kekayaan akibat anugerah petroleum tersebut bukanlah pencapaian sebenar akibat perancangan yang baik, sebaliknya datang bergolek dan secara kebetulan. Beliau meramalkan kebangkitan ini tidak akan kekal lama dan akan terhenti dengan turunnya harga minyak dunia. Menurut D. Pipes, kekuatan Arab Saudi dan Libya akan sirna apabila pendapatan dan kekayaan daripada petroleum berkurangan. Bagi beliau fenomena sementara kebangkitan Islam ini akan diganti dengan sekularisme yang telah dan akan terus mendominasi kebanyakan negara di dunia Muslim.

Buku ini mempunyai dua masalah utama. Pertama, pemakaian istilah 'fundamentalisme Islam' yang tidak sesuai. Pemahaman Barat tentang fundamentalisme sangat dipengaruhi oleh perkembangan gerakan fundamentalisme dalam kalangan penganut Protestan di AS. Istilah fundamentalisme membawa makna yang sangat negatif di AS. Istilah ini berasal daripada gerakan fundamentalisme yang berlaku dalam kalangan penganut Protestan di AS. Gerakan fundamentalis yang muncul di AS adalah sangat literal, kolot, jumud, mundur dan menolak teknologi dan kemajuan moden. Berbeza dengan gerakan fundamentalis Kristian, kebanyakan gerakan Islam bukan antikemajuan dan antiteknologi. Bahkan, kebanyakan pemimpin organisasi seperti Ikhwan al-Muslimin mendapat pendidikan di Barat serta mahir dan menggunakan teknologi moden secara meluas. Justeru, ramai sarjana menolak penggunaan istilah fundamentalisme terhadap kebangkitan Islam (Esposito, 1995). Kedua, sebagai seorang yang mendakwa mempunyai kepakaran tentang masa depan dunia Islam, tesis utama dan ramalan D. Pipes tentang masa depan dunia Islam ternyata dangkal. Ini kerana biarpun harga petroleum dunia tidak terus melambung, namun aktivisme Islam masih terus kekal dan kuat hingga ke hari ini. Ramalan yang dangkal sedemikian ternyata menunjukkan pandangan D. Pipes tidak mempunyai kredibiliti dan dakwaan tentang kepakarannya tentang masa depan dunia Islam boleh dipersoalkan.

Era 1990-an memberikan ruang baharu untuk D. Pipes terus memburuk-burukkan Muslim. Era ini menyaksikan kejatuhan Komunisme, dan Kesatuan Soviet. Ekoran dari itu politik antarabangsa yang sebelum ini diwarnai dengan kewujudan dua buah kuasa besar bermusuhan dan berlumba menguasai dunia, telah hilang musuh dan kuasa yang mencabar dan mengimbangi kuasa besar Dunia yang lain. Justeru terdapat usaha bersungguh-sungguh untuk membentuk (*framing*) Islam sebagai ancaman baharu menggantikan Kesatuan Soviet dan Komunisme. Salah seorang yang terlibat dalam hal ini ialah D. Pipes. Bahkan, sepanjang kerjayanya, tesis Islam sebagai musuh Barat adalah tema utama dalam naratif D. Pipes terhadap Muslim. D. Pipes mendakwa dia menghormati Islam sebagai agama dan memuji pencapaian-pencapaian menakjubkan tamadun Islam tetapi penganalisaan politik semasa beliau memangsakan Islam dan Muslim sebagai musuh baharu Barat. D. Pipes menyatakan Islam layak menggantikan Soviet sebagai ancaman baharu kepada Barat. D. Pipes menambah bahawa ketakutan terhadap Muslim sebagai ancaman bukanlah suatu mimpi semata-mata. D. Pipes (1990) menegaskan,

Seterusnya, ketakutan terhadap Islam mempunyai asasnya dalam realiti. Dari Perang Ajnadayn pada 634 hingga Krisis Terusan Suez pada 1956, permusuhan ketenteraan sentiasa mempengaruhi asas hubungan Kristian-Muslim. Muslim menjadi musuh yang sempurna untuk Barat dari Chanson de Roland kepada trilogi Orlando, dari El Cid kepada Don Quixote. Dalam kehidupan sebenar (pun) orang Arab atau Turki menjadi musuh negara bagi seluruh selatan Eropah.

D. Pipes menambah, orang-orang Eropah berkali-kali mencapai kemerdekaan dengan berjuang melawan penjajahan Muslim sejak Perang Reconquista pada kurun ke-11 hingga kepada Perang Kemerdekaan Albania pada kurun ke-20. D. Pipes mendakwa bahawa kerajaan-kerajaan negara Muslim pada hari ini mampu memberi ancaman kepada Barat memandangkan mereka mempunyai bekalan senjata yang besar. Menurut D. Pipes, tentera Iraq bukan sahaja memiliki lebih kereta kebal dari Jerman bahkan Iraq dikatakan memiliki peluru-peluru berpandu yang diharamkan di Eropah. Justeru, mereka lebih kuat daripada Eropah. Pipes juga mendakwa banyak negara Muslim seperti Mesir, Iraq, Iran, Pakistan dan Indonesia mempunyai kemampuan senjata kimia dan biologi. Pipes menyatakan konflik antara Arab dan Israel mampu merebak menjadi sebuah perang nuklear. Begitu juga perselisihan antara Pakistan dan India. Dengan pendirian sedemikian, D. Pipes menyokong dakwaan yang Muslim ialah ancaman baharu kepada Barat. Selain itu, beliau menambah bahawa idea Muslim sebagai ancaman utama Barat, bukanlah baharu. Tesis Islam adalah ancaman baru kepada Barat adalah sebuah tema yang sering diulang-ulang oleh D. Pipes sepanjang kerjayanya dalam melakarkan imej Muslim. Tesis ini juga terbawa-bawa dalam kajian beliau yang mendapat pembiayaan daripada Institut Keamanan AS (USIP). Salah satu projek tersebut bertajuk "*Muslim di Barat: Bolehkah konflik Dielakkan?*". Dapatan kajian D. Pipes tersebut mendakwa konflik antara Barat dan Muslim tidak dapat dielakkan (Youmans, 2004).

Menurut Pipes lagi, ancaman Muslim terhadap Barat boleh datang melalui dua bentuk. Pertama, melalui negara-negara yang bermusuhan dan melancarkan jihad terhadap Barat. Kedua, melalui golongan imigran Muslim yang berhijrah ke Barat. Menurut Pipes, golongan imigran Muslim bakal membawa ancaman dari dalam negara yang mereka bermastautin di Eropah. Justeru, D. Pipes menggembar-gemburkan kepada Eropah tentang bahaya imigrasi masyarakat Muslim seperti berikut,

Ketakutan terhadap kebanjiran Muslim (di Barat) mempunyai asas yang lebih kuat daripada jihad (negara-negara Muslim terhadap Barat). Masyarakat Eropah Barat tidak bersedia untuk menerima imigrasi besar-besaran orang-orang berkulit perang, memasak makanan yang aneh-aneh dan mengekalkan tabiat kebersihan yang berlainan... Kesemua imigran membawa masuk adat dan perangai yang eksotik, tetapi adat orang Islam lebih banyak membawa masalah (Pipes, 1990).

Dalam kenyataan yang berbaur perkauman dan penuh prasangka terhadap Muslim tersebut, D. Pipes memberi amaran kepada negara-negara Eropah akan bahaya yang dibawa oleh kaum imigran Muslim jika penghijrahan mereka tidak dikekang dengan polisi imigrasi yang ketat. Selanjutnya, D. Pipes juga mendakwa golongan imigran Muslim di Eropah mempunyai sikap perkauman dan taksub yang kuat terhadap kelompok mereka. Ini akan menjejaskan proses integrasi dan asimilasi mereka dengan masyarakat arus perdana di Barat. Kenyataan-kenyataan sedemikian yang dinukilkan oleh D. Pipes bukanlah dibuat berdasarkan kajian, sebaliknya berpunca daripada jiwa yang penuh kebencian terhadap Muslim. Justeru, D. Pipes menggembar-gemburkan ancaman Muslim terhadap Barat. Melalui sebuah artikel dalam *National Review Online* yang sudah dipadamkan, Pipes mendakwa,

Setiap fundamentalis Muslim, tidak kira sedamai mana pun dia, adalah sebahagian daripada gerakan pembunuhan" (Pipes, 2001)

Justeru, mereka adalah sebahagian daripada bala tentera bin Laden dalam perangnya menentang tamadun. Tambah Pipes,

Kebanyakan mereka nampak seperti pencinta kedamaian daripada segi luaran, tetapi mereka semua mesti dianggap sebagai bakal pembunuh" (Pipes, 2001)

Pada tahun 2002, Pipes menghasilkan karyanya *Militant Islam Reaches America*. Buku ini bukanlah sebuah karya yang segar. Ini kerana ia hanyalah koleksi artikel D. Pipes yang dihasilkan sejak 10 tahun sebelumnya. Kebanyakan daripada tulisan yang dimuatkan dalam buku tersebut juga tidak disokong oleh penyelidikan yang mantap. Selari dengan kebanyakan tema penulisan D. Pipes, ia menggembar-gemburkan ancaman militan Muslim yang menyelip masuk ke AS. Tajuk buku tersebut sendiri bermasalah. Islam ialah kata nama khas dan mempunyai maksud kedamaian dan penyerahan kepada Allah SWT. Justeru, tidak wajarlah dikaitkan dengan perkara-perkara lain terutamanya perkataan militan yang memberi maksud yang negatif terhadap Islam. Sewajarnya, D. Pipes perlu lebih sensitif dan tidak menggunakan perkataan 'militan Islam' sedangkan dalam buku ini beliau menggunakan istilah-istilah Islamis, fundamentalis dan militan secara bertukar-tukar. Jika beliau terlalu obsesi dan degil untuk menggunakan perkataan militan sekalipun, Pipes patut menggunakan istilah 'Militan Muslim' bukannya, 'Militan Islam'. Penggunaan nama 'Islam' untuk tajuk buku sedemikian adalah sangat tidak sesuai dan hanya menjadi suatu bentuk kecaman terhadap agama suci tersebut, kerana,

'Islam' mempengaruhi secara relatifnya sebahagian kecil apa yang berlaku di Dunia Islam, yang mempunyai 1 bilion penduduk, dan termasuk puluhan negara, masyarakat, bahasa, tradisi, dan sudah tentu tak terkira pelbagai pengalaman yang berbeza. Adalah salah untuk cuba mengesan semula semua (yang tidak kena ini) kepada sesuatu yang dipanggil 'Islam' tidak kira betapa kuat pun laungan polemik para Orientalis ...mendesak bahawa Islam mengatur masyarakat dari atas hingga ke bawah, bahawa *Dar-al-Islam* itu satu entiti yang sepadu, bahawa gereja dan negara itu adalah satu dalam Islam, dan sebagainya ...Ini ialah generalisasi yang tidak dapat diterima dan paling tidak bertanggungjawab, dan (generalisasi sedemikian) tidak boleh sama sekali digunakan untuk sebarang agama, budaya atau kumpulan demografi atas dunia. (Said, 1997: xvi) .

D. Pipes mengakui masalah keganasan yang berlaku di dunia pada hari ini bukannya berpunca dari Islam sebagai agama, sebaliknya, ideologi 'militan Islam'. Bagaimanapun, Pipes tidak memberikan definisi 'militan Islam' yang jelas dan tepat. Di bawah tajuk kecil Apa itu 'militan Islam?', tanpa mentakrifkan istilah tersebut, D. Pipes mendakwa 'militan Islam' bertapak di Mesir pada tahun 1920an, dengan penubuhan persatuan Ikhwan al-Muslimin. Pipes menambah, 'militan Islam' berbeza daripada tradisional Islam dalam banyak perkara. Hal ini telah mengubah Islam daripada sebuah agama kepada sebuah ideologi radikal. "*They may appear law-abiding and reasonable, but they are part of of a totalitarian movement and as such must be considered potential killers.*" (Pipes, 2002: 135). Pipes juga mendakwa semua golongan Islamis mempunyai sikap membenci bukan Muslim. Pipes mengambil pandangan yang sangat simplistik dan tidak teliti. Pipes mendakwa keganasan golongan militan Muslim adalah satu fenomena global. Menurutnya, pertubuhan Islam terkenal, Ikhwan al-Muslimin adalah sebuah organisasi militan sedangkan banyak kajian lain seperti Leiken dan Brooke (2007) memuji Ikhwan al-Muslimin yang mengubah pendiriannya daripada militan kepada aliran sederhana serta turut menyertai dalam proses politik demokrasi.

D. Pipes mendakwa tiada Islamis yang berpendirian sederhana kerana semua Islamis memiliki sifat ekstremis dalam jiwa mereka. Walaupun cara dan kaedah perjuangan pelbagai golongan Islamis mungkin berbeza untuk mencapai kuasa sama ada melalui demokrasi atau revolusi, namun apabila Islamis mendapat kuasa akan jelaslah sikap totalitarian dan otokrasi mereka untuk menubuhkan sebuah negara Islam. D. Pipes juga mengkritik keras pendekatan pentadbiran AS di bawah Presiden Bill Clinton yang tidak tegas dengan Islamis. Menurut Pipes, pentadbiran AS menganggap "*most Islamists were seen as decent people, serious individuals espousing ...a renewed emphasis on*

traditional values" (Pipes, 2002: 44-45). Lebih dari itu, Kerajaan AS berpendirian untuk bekerjasama dengan Islamis selagi golongan Islamis tersebut tiada hubung kait dengan aktiviti keganasan. Pipes mengkritik keras pendirian sedemikian kerana implikasinya ialah Kerajaan Amerika akan duduk semeja dan bekerjasama dengan Islamis yang bermusuhan dengan Amerika dan Israel. D. Pipes menampelak pentadbiran AS kerana akibat sikap tidak tegas sedemikianlah, AS mengadakan hubungan politik dengan pihak-pihak yang dibenci oleh D. Pipes seperti Hamas, Ikhwan al-Muslimin dan Front Islamic Salvation. Pendirian Pipes bahawa tiada golongan Islamis yang sederhana perlu dipersoalkan.

Hal ini bertentangan dengan kajian-kajian lain yang mendapati kewujudan kepelbagaian pendekatan dalam kalangan Islamis. Salah satu kajian tersebut dijalankan oleh sebuah badan pemikir, Perbadanan RAND yang diketuai oleh Angel M. Rabasa. Rabasa et. al (2004) melalui *The Muslim World After 9/11* berpandangan bahawa tidak mudah untuk melabelkan sesebuah gerakan Islam sebagai radikal atau sederhana kerana kedua-dua aliran tersebut boleh wujud dalam sesebuah pertubuhan. Ini kerana kedua-duanya, yakni aliran sederhana dan ekstrem wujud dalam sesebuah gerakan Islam. Mereka juga berpendapat terdapat kepelbagaian dalam kalangan gerakan Islam dan antara aliran-aliran utama yang mereka kenal pasti ialah radikal fundamentalis dan konservatif fundamentalis. Radikal fundamentalis ialah gerakan politik yang bertujuan untuk menubuhkan sebuah negara Islam yang melaksanakan syariah. Kumpulan ini bersifat revolusionari dan mentafsirkan skriptur secara literal dengan menekankan konsep jihad. Menurut kerangka analisa Rabasa et al. (2004), Jama'at al-Islamiyyah dan Hamas tergolong dalam kumpulan ini. Konservatif fundamentalis pula masih mendokong cita-cita untuk menubuhkan negara Islam, namun tidak menyokong keganasan dan mendokong demokrasi. Ikhwan al-Muslimin dikategorikan sebagai konservatif fundamentalis. Kajian yang diketuai Rabasa amat mendalam dan teliti sekali dengan mengambil kira bukan sahaja gerakan Islam di Asia barat dan Afrika Utara tetapi juga di Asia Tenggara. Jelas bahawa melalui kajian-kajian yang lebih teliti, golongan Islamis tidak monolitik dan memang wujud golongan beraliran sederhana dalam kalangan Islamis. Kajian ini secara jelas menolak pandangan D. Pipes yang terlalu simplistik dan berniat jahat.

D. Pipes mengakui bukan semua Muslim bencikan Barat dan golongan yang bermasalah ialah militan Muslim dan mereka hanyalah 10% daripada keseluruhan Muslim sedunia. Namun begitu, beliau menggesa kerajaan AS memantau kaum imigran Muslim dengan teliti kerana walaupun sebahagian besar Muslim di AS hanyalah orang-orang biasa yang tidak memberikan ancaman keselamatan, namun hakikatnya masyarakat biasa yang tidak berbahaya tersebut memberikan perlindungan kepada mereka yang bencikan Amerika dan berniat untuk melakukan sesuatu yang membahayakan. Ini adalah suatu tuduhan tidak bertanggungjawab D. Pipes terhadap Muslim di AS. Seterusnya, dalam ucapan di Kongres Yahudi Amerika pada 21 Oktober 2001, D. Pipes memberi amaran tentang bahaya sebenar yang dibawa dengan kehadiran, peningkatan kaliber, dan pemberian hak kepada Muslim Amerika. Justeru, D. Pipes menggesa agar pemantauan terhadap Muslim Amerika ditingkatkan. Perhatian perlu diberikan kepada Muslim yang bekerja dengan kerajaan terutamanya dalam sektor polis, ketenteraan dan diplomasi kerana dibimbangi mempunyai hubungan dengan keganasan. Begitu juga para imam yang berkhidmat di penjara-penjara dan angkatan bersenjata. (*Jerusalem Post*, 2003). Representasi D.Pipes tentang Muslim di AS yang dianggap memberi ancaman adalah bertentangan dengan dapatan dari sebuah kajian yang dijalankan oleh Pusat Kajian Pew (2007) yang mendapati majoriti Muslim di AS berasimilasi dengan budaya setempat dan berpendirian sederhana (Rosentiel, 2007). Dalam sebuah artikel di *Washington Times* pada 2013 Pipes menggesa purdah diharamkan di kawasan awam di AS atas dakwaan banyak kejadian jenayah di Philadelphia dilakukan oleh penjenayah yang memakai pakaian seperti purdah.

Dalam kalangan Muslim, kumpulan etnik yang paling dibenci oleh D. Pipes ialah orang-orang Palestin. Sebagai seorang Zionis, Israel mendapat tempat yang istimewa di hati D. Pipes manakala musuh ketat Israel, yakni Palestin sentiasa dihentam dan dibenci. Dalam sebuah forum bertajuk “Kata-kata yang menyembuhkan: Krisis di Tanah Suci” yang dianjurkan pada bulan 14 April 2001 di Portland, AS, D. Pipes mengeluarkan kata-kata kesat dan menyakitkan terhadap orang-orang Palestin, “Orang-orang Palestin hidup dalam sengsara dan mereka layak hidup sedemikian” (Kelley, 2001). Kata-kata kesat sedemikian mengecewakan penganjur program tersebut yang berhasrat membina jambatan dalam hubungan Israel-Palestin, namun bukan membina sebaliknya meruntuhkan jambatan tersebut. Bagi mereka yang mengikuti kerjaya D. Pipes, pandangan kontroversi sedemikian bukanlah pelik sebaliknya hampir menjadi kebiasaan bagi beliau. Pada April 2002, D. Pipes dan tokoh-tokoh pro-Israel yang lain menandatangani surat yang dihantar kepada Presiden Bush menyarankan AS menyokong penuh Israel dan polisi-polisinya kerana kedua-dua negara berkongsi musuh yang sama iaitu paksi kejahatan (*the ‘axis of evil’*) dan keganasan. Tidak syak lagi, D. Pipes ialah penyokong fanatik Israel dan mahu memastikan kelestarian dan keselamatan negara yang beliau sanjung ini. Bukti dedikasi beliau terhadap Israel ialah pengurniaan Anugerah Pelindung Zion (Guardian of Zion Award) kepada D. Pipes pada bulan Mei 2006, oleh Pusat Kajian Jerusalem Ingeborg Rennert di Bar-Ilan Universiti, Israel (Blum, 2006). Anugerah tahunan yang diperkenalkan sejak 1997 ini dikurniakan kepada individu yang menunjukkan dedikasi yang luar biasa kepada kesinambungan Jerusalem dan Israel. Penerima-penerimanya yang lalu termasuk Ronald S. Lauder, Senator Joe Lieberman, Lord Jonathan Sacks, Cynthia Ozick, Malcolm Hoenlein, Herman Wouk, dan Elie Wiesel (Leichman, 2019).

Ketika AS sedang mengusahakan rancangan damai antara Israel dan Palestin di bawah Setiausaha Negara AS, James Baker III (1989-1992), D. Pipes yang begitu melindungi Israel jelas tidak bersetuju dengan langkah tersebut. D. Pipes dengan tegas menentang cadangan penubuhan negara Palestin,

Di sana hanya boleh wujud sama ada (negara) Israel atau (negara) Palestin, bukan kedua-duanya sekali..kepada mereka yang bertanya kenapa rakyat Palestin mesti dinafikan sebuah negara, jawapannya mudah: berikan mereka sebuah (negara) dan kamu akan memulakan kitaran peristiwa yang akan membawa kepada kehancurannya (Palestin) atau kemusnahan Israel (Pipes, 1990).

Selanjutnya komentar dalam *Jerusalem Post*, D. Pipes (2001) telah menggesa kerajaan berhaluan kiri yang memerintah Israel supaya mengambil pendekatan keras, bukannya bertoleransi dalam menangani isu Palestin. Dengan tajam, D. Pipes mengkritik sikap Israel untuk berunding dengan Palestin,

Proses Damai Oslo tidak gagal kerana pelaksanaan yang tidak baik. Tetapi, ia disebabkan oleh andaian asas bahawa dasar yang lembut akan menggoda orang-orang Palestin untuk menerima Israel terbukti sangat salah. Jika Israel benar-benar mahu menyelesaikan masalahnya dengan Palestin, ia mesti mengambil pendirian yang sebaliknya: meyakinkan rakyat Palestin (untuk hidup bersama secara aman) bukan dengan (pendekatan) kelembutan tetapi dengan kekuatan. Ini bermakna tidak “menanam semula pohon-pohon zaitun” untuk orang-orang Arab tetapi menghukum kesalahan-kesalahan keganasan dengan tegas dan keras sehingga musuh-musuhnya akan merasakan tindakan melawan Israel adalah sangat sia-sia sehingga mereka menyesal untuk memulakan konflik lagi... (semakin fleksibel Israel bertindak semakin) rakyat Palestin menghidu darah dan naik darah dengan kewujudan negara Israel sendiri (Pipes, 2001).

Dalam hal ini, jelas bahawa D. Pipes mengambil pendirian yang lebih ekstrem daripada pemerintah Israel pada ketika itu yang mengambil pendekatan yang lunak terhadap Palestin. D. Pipes tidak bertolak ansur dan menggesa Israel mengambil pendirian yang keras dan menghukum dalam berurusan dengan Palestin. D. Pipes ialah pengkritik tajam terhadap sebarang usaha perdamaian Israel-Palestin. Dalam pelbagai artikel dan ucapan, Pipes menegaskan Israel perlu mendapatkan kemenangan mutlak ke atas Palestin. Menurut D. Pipes ini bermaksud menghancurkan sama sekali kemahuan Palestin untuk menentang penaklukan dan rampasan tanah mereka (Hanley, 2003). Melalui laporan dan penulisan, D. Pipes menggesa Israel memusnahkan perkampungan Palestin yang disyaki melancarkan serangan ke atas Israel; manakala para pemimpin Palestin perlu sama ada ditangkap atau dibunuh. (Youmans, 2004).

Forum Timur Tengah / *The Middle East Forum* (Selepas ini, MEF) di bawah kendalian D. Pipes menjadi sebuah platform untuk gerakan anti-Muslim. Antara objektif utama MEF adalah untuk mendefinisi dan mempromosi kepentingan-kepentingan AS di Timur Tengah, termasuk mempereratkan ikatan AS dengan Israel dan Turki, dan entiti-entiti demokrasi lain yang sedang muncul. MEF menaja publisiti dan bantuan kewangan kepada seorang anti-Muslim yang terkenal jahatnya, Steven Emerson yang secara berterusan memburuk-burukkan Muslim. Sokongan D. Pipes terhadap Israel juga disalurkan melalui projek MEF iaitu, *Campus Watch* (Pemantauan Kampus) yang dilancarkan pada 2002. Setahun selepas peristiwa 9/11, D. Pipes dan Forum Timur Tengah, telah melancarkan sebuah laman sesawang *Campus Watch* untuk memantau para ahli akademik dan profesor di Amerika Utara yang pro-Palestin. (Youmans, 2002). Maklumat rasmi di laman Forum Timur Tengah memaklumkan bahawa *Campus Watch* ialah sebuah projek Forum Timur Tengah yang mengandungi pandangan dan kritikan terhadap pengajian Timur Tengah di Amerika Utara dengan tujuan untuk memperbaikinya (Middle East Forum, 2019).

MEF mengenal pasti dan menyenaraikan para ahli akademik di Amerika Utara yang dituduh sebagai pro-Palestin dan anti-Israel. Nama-nama ahli akademik tersebut dipaparkan dalam laman sesawang berkenaan. *Campus Watch* juga menggesa supaya para siswa melaporkan ahli akademik di universiti masing-masing yang pro-Palestin dan anti-Amerika-Israel. Ia juga memperuntukkan ruang untuk laporan siswa/siswi. Maklumat tersebut akan digunakan untuk mengemaskinikan nama-nama profesor yang dimasukkan dalam senarai hitam dalam laman sesawang berkenaan. Menurut Youmans (2002), tindakan D. Pipes dan *Campus Watch* ini seumpama menubuhkan sebuah pasukan polis di seluruh universiti di Amerika Utara untuk memantau fikiran ahli akademik. Selain taktik intimidasi dan ugutan, para penyokong Israel di *Campus Watch* tidak menyediakan ruang untuk membalas hujah para ahli akademik secara rasional dan jelas tentang isu-isu yang berkaitan. Projek *Campus Watch* mendapat kritikan yang keras di AS kerana projek tersebut adalah satu ugutan, intimidasi dan menyekat kebebasan akademik yang disanjung tinggi di Amerika Syarikat. Sebagai tindak balas terhadap *Campus Watch*, lebih dari 400 orang ahli akademik menandatangani satu petisyen agar universiti-universiti di California, M.I.T, Princeton dan Harvard menarik balik pelaburan dalam firma-firma yang ada kena mengena dengan Israel (Youmans, 2002). Di samping itu, ramai ahli akademik di Amerika Utara, khususnya, turut memprotes tindakan intimidasi *Campus Watch* dan menggesa nama mereka turut disenaraikan dalam laman sesawang *Campus Watch*. Maklumat rasmi di laman *Campus Watch* sendiri menyatakan sejak pelancarannya, *Campus Watch* menerima kira-kira 200 emel daripada para fakulti dan siswa pascasiswazah meminta agar nama mereka turut disenaraikan dalam laman *Campus Watch* sebagai solidariti dengan ahli akademik yang telah disenarai-hitamkan (*Solidarity with Apologists*, 2019).

KESIMPULAN

D. Pipes mempunyai kelayakan akademik yang bereputasi baik dalam bidang sejarah Asia Barat. Beliau mendakwa menghormati Islam sebagai agama dan memuji kehebatan tamadun Islam pada zaman klasik tetapi pandangannya terhadap politik semasa menjadikan Muslim sebagai musuh Barat. Beliau tergolong dalam kalangan pemimpin Islamofobia yang menggembar-gemburkan ketakutan terhadap Islam dan Muslim untuk membantu agenda peribadi sendiri. Sikap menuduh Muslim tanpa usul periksa, jelas terbukti selepas pengeboman di Oklahoma pada tahun 1995. Ekoran peristiwa tersebut, D. Pipes menuduh golongan ekstremis Muslim bertanggungjawab walhal peristiwa itu didalangi oleh seorang kaum kulit putih warga AS sendiri. Bahkan, sepanjang kerjayanya, naratif yang utama dan sering berulang ialah Islam adalah musuh ketat Barat. Sikap beliau terhadap Muslim mewakili kesinambungan tradisi lama Orientalisme yang menggunakan penguasaan ilmu terhadap sesuatu budaya sebagai satu alat penguasaan ke atas mereka. Justeru, beliau bukanlah seorang sarjana yang tidak bersalah sekadar mengkaji masyarakat Timur Tengah atas tujuan ilmiah semata-mata. Sebaliknya, D. Pipes melalui saluran badan pemikir dan penulisan, menggunakan pengetahuan yang dimilikinya untuk menakut-nakutkan Barat terhadap 'ancaman Islam'. Sepanjang garis masa kerjayanya, D. Pipes secara konsisten menunjukkan sikap berat sebelah (*bias*) terhadap Muslim. Bagaimanapun, sebelum 1990-an, pandangan dan sikap tersebut masih belum ketara dan sukar diterima oleh masyarakat arus perdana di AS sendiri. Selepas kejatuhan Komunisme pada akhir 1980-an, D. Pipes bersungguh-sungguh membentuk Islam sebagai ancaman baharu menggantikan Komunisme. Sikap dan pandangan D. Pipes menjadi semakin ekstrem selepas peristiwa 9/11. Hakikatnya peristiwa 9/11 memberikan peluang keemasan untuk D. Pipes menampilkan diri sebagai pakar tentang keganasan dan dunia Islam. Hal ini sekali gus meningkatkan populariti D. Pipes yang membuat ratusan penampilan media dalam tempoh setahun selepas peristiwa 9/11.

Kemungkinan besar tanpa mala petaka dan konspirasi 9/11, nama D. Pipes tidak akan dikenali ramai. Sebelum peristiwa 9/11, D. Pipes telah menghasilkan penulisan yang menonjolkan sikap yang ekstrem terhadap Muslim. Ketika itu pandangan ekstrem sedemikian tidak popular dan gagal mendapat perhatian ramai. Peristiwa 9/11 menimbulkan perasaan paranoia dan kebingungan masyarakat AS, lantas mereka memerlukan satu objek tertentu untuk melampiaskan gelojak kemarahan dan kebencian terhadap kemusnahan yang berlaku pada 9/11. Dalam konteks inilah D. Pipes menanggung di air yang keruh dan ibarat orang mengantuk yang disorongkan bantal, menjadi amat relevan pada kaca mata warga Barat. Pencapaian utama D. Pipes ialah memanipulasikan ketakutan terhadap Islam yang berlaku selepas kejadian 9/11 dan beliau juga menjadi terkenal disebabkan isu tersebut. Tanpa 9/11 nama beliau tidak mungkin akan dikenali ramai. Tambahan pula, pencapaian beliau sebagai sarjana dalam bidang pengajian Asia Barat hanyalah biasa-biasa sahaja (*mediocre*). Dengan kelicikan, hubungan rapat dengan kerajaan AS, manipulasi, dan jaringan yang kukuh membuka ruang yang luas untuk D. Pipes melebarkan sayapnya untuk terus memburuk-burukkan Muslim. Selepas kematian Bernard Lewis pada bulan Mei 2018, tidak keterlaluan jika dikatakan peranan sebagai pemimpin Islamofobia terkedepan di Amerika Utara diambil alih oleh D. Pipes.

RUJUKAN

- Abdelkader, E. (2017). A Comparative Analysis of European Islamophobia: France, UK, Germany, Netherlands and Sweden. *UCLA Journal of Islamic and Near Eastern Law*. 16(1), 31-54.

- Baldor, L.C. (2003). Bush to Name Peace Institute Appointment. *AP News*. August 23. Akses 1 Julai 2019. https://apnews.com/e9faf98a00dfb215b9554b0bd25c9651_
- Ballon, M. (2007). Daniel Pipes Fights Worldwide Threat of Islamism from Malibu. *Jewish Journal of Greater Los Angeles*. March 6. Akses 9 Julai 2019. <http://www.danielpipes.org/4326/daniel-pipes-fights-the-worldwide-threat-of-islamism-from>.
- Biographical Sketch of Daniel Pipes (2019). Akses 9 Julai 2019. <http://www.danielpipes.org/bios/>.
- Bluhm, R. (2006). Interview: I Watch with Frustrations as the Israelis Don't Get the Point. *Jerusalem Post*. June 6. Akses 9 Julai 2019 <http://www.danielpipes.org/3667/interview-i-watch-with-frustration-as>.
- Campbell, W.J. (2017). Timeless LESSONS of the 1995 Oklahoma City Bombing. *The 1995 Blog: The Year the Future Began*. Akses 9 Julai 2019. <https://1995blog.com/2017/04/18/timeless-lessons-of-the-1995-oklahoma-city-bombing/>
- Conway, G. (1997). *Islamophobia: A Challenge for Us All*. London: Runnymede Trust.
- Daniel, N. (1982). *Islam and the West: The Making of an Image*. Oxford: Oneworld.
- Esposito, J.L. (1995). *Islamic Threat: Myth or Reality?* New York: OUP.
- Faith Matters. (2016). *The Geography of Anti-Muslim Hatred: Tell MAMA Annual Report 2015*. London: Tell MAMA. Akses 9 Julai 2019. https://www.tellmamauk.org/wpcontent/uploads/pdf/tell_mama_2015_annual_report.pdf.
- Gendzier, I. (2010). The Risk of Knowing. Dlm. Carvalho, E.J. & Downing, D.B. (pnyt.). *Academic Freedom in the Post-9/11 Era* (hlm. 133-150). New York: Palgrave Mcmillan.
- Hanley, D.C. (2003). Believe It or Not President Bush Nominates Controversial Pipes to Peace Post. *Washington Report on Middle East Affairs*. June. Akses 9 Julai 2019. <https://www.wrmea.org/003-june/president-bush-nominates-controversial-pipes-to-peace-post.html>
- Hourani, A.H. (1991). *Islam in European Thought*. New York: Cambridge University Press.
- Islamophobia in Europe. (2019). Akses 14 November 2020. <https://www.opensocietyfoundations.org/explainers/islamophobia-europe>
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2010). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kelley, E. (2001) Daniel Pipes' Acrimonious Remarks Embarrass Organizers of Portland Panel on "Healing Words". *Washington Report on Middle East Affairs*. July 2001, hlm. 57. Akses 9 Julai 2019. <https://www.wrmea.org/001-Julai/daniel-pipes-acrimonious-remarks-embarrass-organizers-of-portland-panel-on-healing-words.html>.
- Leichman, A.K. (2019) From Prisoner of Zion to Guardian of Zion. *Jewish Standard*. June 20. Akses 9 Julai 2019. <https://jewishstandard.timesofisrael.com/writers/abigail-klein-leichman/>.
- Leiken, R.S. & Brooke, S. (2007). The Moderate Muslim Brotherhood. *Foreign Affairs*. 86(2), 107-121.
- Levin, B. (2016) *Special Report Hate Crime in the United States*. Centre for the Study of Hate & Extremism, CSU San Bernardino. Akses 9 Julai 2019. <https://www.documentcloud.org/documents/3110202-SPECIAL-STATUS-REPORT-v5-9-16-16.html>.
- Lochman, Z. (2005). Critique from the Right: The Neo-Conservative Assault on Middle East Studies. *The New Centennial Review*. 5(1), 63-110
- Longman Dictionary of Contemporary English Online. (2019). Akses 9 Julai 2019. <https://www.ldoceonline.com/dictionary/phobia>.
- Middle East Forum. (2019). Campus Watch. Akses 9 Julai 2019. <https://www.meforum.org/campus-watch/>

- Moten, A.R. (2012). Understanding and Ameliorating Islamophobia. *Cultura. International Journal of Philosophy of Culture and Axiology*. 9(1), 155-178.
- Muwakkil. (2003). The Devil and Daniel Pipes. *In These Times*, September 8. Akses 9 Julai 2019. http://inthesetimes.com/article/471/the_devil_and_daniel_pipes.
- Pipes, D. (1981). *Slave Soldiers and Islam: The Genesis of Military system*. 2nd ed. New Haven: Yale University Press.
- Pipes, D. (1983). *In the Path of God: Islam and Political Power*. New York: Basic Books.
- Pipes, D. (1990) Can the Palestinians Make Peace? *Commentary*, April. Akses 19 Julai 2019 <http://www.danielpipes.org/194/can-the-palestinians-make-peace>.
- Pipes, D. (1990). The Muslims are Coming! The Muslims are Coming! *National Review*, November. Akses 19 Julai 2019. <http://www.danielpipes.org/198/the-muslims-are-coming-the-muslims-are-coming>.
- Pipes, D. (2001). Bin Laden is a Fundamentalist: A Reply to David F. Forte. *National Review*, Oktober. Akses 19 Julai 2019. <http://web.archive.org/web/20011107032225/>.
- Pipes, D. (2001). The Left's ongoing Oslo Delusion. *Jerusalem Post*, April 25. Akses 19 Julai 2019. <https://www.meforum.org/4011/the-lefts-ongoing-oslo-delusion>.
- Pipes, D. (2002) *Militant Islam Reaches America*. New York: W.W. Norton.
- Pipes, R. (2003). *Vixi: Memoirs of a Non-Belonger*. New Haven: Yale University Press.
- Press, Eyal.(2004). *Neocon Man the Nation*. Akses 19 Julai 2019. <https://www.thenation.com/article/neocon-man/>.
- Rabasa, A.M. et. al. (2004). *The Muslim World After 9/11*. Arlington, VA: Rand Corporation.
- Rosiental. (2007). Muslim Americans: Middle Class and Mostly Mainstream. *Pew Research Center*, May 22. Akses 19 Julai 2019. <https://www.pewresearch.org/2007/05/22/muslim-americans-middle-class-and-mostly-mainstream/>.
- Said, E. (1978). *Orientalism*. New York: Random House.
- Said, E. (1997) *Covering Islam: How the Media and the Experts Determine How We See the Rest of the World*. New York: Random House.
- Solidarity with Apologists. (2019). Akses 19 Julai 2019. <https://www.meforum.org/campus-watch/campus-resources/solidarity-with-apologists>.
- Southern, R.W. (1962). *Western Views of Islam in the Middle Ages*. Boston: Harvard University Press.
- Tamdgidi, Mohammad H. (2006). Editor's Note: Probing Islamophobia. *Human Architecture: Journal of the Sociology of Self-Knowledge*. 5(1).
- Taras, R. (2013) Islamophobia Never Stands Still: Race Religion and Culture. *Ethnic and Racial Studies*. 36(3), 417-433. 10.1080/01419870.2013.734388
- Tassil, J. (2005). Militant about "Islamism". *Harvard Magazine*, Jan.-Feb. Akses 19 Julai 2019. <https://harvardmagazine.com/2005/01/militant-about-islamism.html>
- Voltaire Network*. (2006). Daniel Pipes: The Expert of Hate. Akses 9 Julai 2019. <http://www.voltairenet.org/article136260.html>.
- Wiarda, H.J. (2010). *Think Tanks and Foreign Policy: The Foreign Policy Research Institute and Presidential Politics*. New York: Lexington Books.
- Youmans, W. (2002,). Campus watch. *Counterpunch*, September 22. Akses 19 Julai 2019. <https://www.counterpunch.org/2002/09/23/campus-watch/>
- Youmans, W. (2004) The New Cold Warriors. Dlm. Hagopian, E.C. (pnyt.). *Civil Rights in Peril: The Targeting of Arabs and Muslims* (hlm.105-132) Chicago & London: Haymarket Books & Pluto Press.